

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN LISAN**  
**MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA,**  
**PARLIMEN KETIGA BELAS,**  
**MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATUK RAIME BIN UNGGI [TENOM]**

**TARIKH : 8 JUN 2015 (ISNIN)**

**SOALAN :**

**YBhg. Datuk Raime bin Unggi [Tenom]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan peruntukan yang disediakan bagi pembangunan negeri Sabah dalam Rancangan Malaysia ke-11 ini.

**JAWAPAN: YB SENATOR DATO' SRI ABDUL WAHID B. OMAR,**  
**MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri (UPE, JPM) sedang dalam proses meneliti dan mempertimbangkan permohonan projek daripada setiap kementerian dan Kerajaan Negeri untuk dilaksana dalam tempoh Rancangan Malaysia Kesebelas (RMKe-11).

Dalam RMKe-11, pemilihan projek akan mengguna pakai *Creativity Index* (CI) dalam menentukan keutamaan projek yang akan dilaksana. CI adalah nisbah faedah yang diterima oleh rakyat berbanding jumlah kos. Sungguhpun CI merupakan kriteria utama, faktor lain seperti kesediaan projek untuk dilaksana dalam RMKe-11 turut diambil kira.

Di bawah RMKe-10, Sabah telah menerima siling peruntukan sebanyak RM20.6 bilion. Antara projek yang telah siap dibina semasa RMKe-10 adalah seperti berikut:

- i. Perumahan Pasukan Gerak Am Kinarut;
- ii. Jalan Bakapit, Lahad Datu;
- iii. Jalan Poring – Tebodon, Tuaran;
- iv. Jalan Sungai Tiga – Pepolor, Sipitang; dan
- v. Premis Perniagaan Beluran.

Di samping itu, terdapat juga beberapa projek yang masih di dalam pelaksanaan dan akan diteruskan di bawah RMKe-11 seperti projek Lapangan Terbang Kota Kinabalu (Pakej 2), Kelompok Industri

Berasaskan Kelapa Sawit, Lahad Datu, Pembinaan Blok Menara Hospital Queen Elizabeth Hospital (QEHB), Kota Kinabalu, Menaiktaraf Jalan Dari Donggongan Ke Simpang Jalan Papar SPUR (Pakej 2&3), Sabah dan Membina Jalan Libaran Bypass di Sandakan, Sabah. Sekian, terima kasih.